

Bahasa Hawaii Terpinggir di Bumi Sendiri

Sikap terbuka kerajaan Hawaii terhadap penggunaan mana-mana bahasa menyebabkan banyak pedagang asing tidak mahu mempelajari bahasa Hawaii. Sebaliknya, mereka lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam komunikasi perdagangan di Hawaii. Oleh sebab itu, bahasa kreol dan pijin banyak digunakan. Namun begitu, minat untuk mempelajari bahasa peribumi ini tetap mendapat perhatian daripada golongan mubaligh kerana mereka sedar akan kepentingan bahasa ini dalam usaha untuk mendekati masyarakat peribumi yang masih menganut agama tradisi.

Ketika tayangan drama penyiasatan Hawaii Five-O disiarkan di salah sebuah stesen televisyen swasta tempatan, tidak banyak orang yang mengetahui drama yang menggunakan latar belakang Honolulu, Hawaii ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Drama televisyen yang mula bersiaran sejak tahun 1968 ini menggunakan judul "Five-O" (lima sifar) sebagai suatu penghormatan kepada Hawaii yang menjadi negeri ke-50 menyertai Amerika Syarikat. Selain itu, judul ini merakamkan ingatan terhadap apartmen Barack Obama yang terletak di Pearl Harbour, Hawaii kerana di situlah beliau pernah dibesarkan, selain terkenal dengan pantai yang indah dan padang golf yang menjadi daya tarikan pelancong. Di sebalik daya tarikan tersebut, tersimpan coretan luka sejarah hitam yang masih kekal dalam ingatan penduduk peribumi Hawaii setelah negeri tersebut menjadi sebahagian daripada Amerika Syarikat pada tahun 1959.

Sejarah menjadi saksi bahawa imperialisme bahasa hampir "membunuh" bahasa Hawaii. Bahasa Hawaii berasal daripada rumpun bahasa Proto-Polinesia yang membawa maksud "tanahairku". Di bawah rumpun Proto-Polinesia, bahasa ini mempunyai hubungan persamaan dengan bahasa Maori, Tonga, Tahiti dan Samoa. Hawaii yang kini mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 2 juta orang kaya dengan budaya tradisi dan peradaban yang tinggi. Pihak Barat pada mulanya datang berdagang di wilayah ini, tetapi kemudiannya menjadi golongan elit politik dan ekonomi di sini. Lembaran sejarah mencatatkan bahawa kedatangan Barat dimulai secara rasmi oleh Kapten James Cook pada tahun 1778 meskipun

sebelum itu, pengembara dari Sepanyol sudah mula menjelajah kepulauan Hawaii. Pengembara Sepanyol secara sengaja tidak mahu menghebahkan penemuan kepulauan tersebut kepada umum kerana mereka berhasrat untuk memonopoli jalan perdagangan di sekitar kawasan tersebut. Ketika itu, negara lain seperti Belanda dan Inggeris juga sedang giat meluaskan perdagangan dan empayar masing-masing.

Runtuahnya Kerajaan Beraja di Hawaii


Kerajaan peribumi di Hawaii terbentuk apabila semua ketua-ketua etnik bersetuju untuk berada di bawah satu pemerintahan yang dikepalai oleh Raja Kamehameha. Selama 62 tahun, kerajaan Raja Kamehameha berjaya memerintah sekumpulan subetnik yang sebelum ini sering bertelagah untuk berebut kuasa dan aktiviti perdagangan. Sistem kerajaan beraja ini mempunyai susun lapis masyarakat dan peraturan yang tersendiri. Sesuai dengan adat dan peraturan yang diamalkan ini, kedatangan kuasa asing diterima dengan baik meskipun kedatangan Barat kemudiannya, secara diam-diam telah berjaya mencorakkan dinasti Kamahameha.

Di bawah pemerintahan kerajaan Kamahameha, penduduk Hawaii mula bersikap terbuka terhadap masyarakat Barat. Lantaran itu, bahasa Inggeris yang banyak digunakan oleh golongan pendatang ini turut diberi tempat secara beransur-ansur dan lamakelamaan bahasa ini berkembang di Hawaii. Kedatangan Barat, khususnya Amerika Syarikat pada tahun 1820-an, bukan sahaja untuk menyempurnakan misi dagang, tetapi untuk menyebarkan agama Kristian kepada penduduk

peribumi. Penyebaran agama Kristian yang digerakkan secara aktif oleh mubaligh Amerika Syarikat sejak pemerintahan Kamehameha II lagi ini menjadi semakin meluas sehingga Raja Kamehameha III sendiri memeluk agama Kristian.

Pengaruh mubaligh bukan sekadar dalam soal penyebaran agama. Mereka turut memperkenalkan sistem tulisan yang kononnya dicipta untuk memelihara bahasa Hawaii, tetapi pada hakikatnya penciptaan sistem tulisan ini menyumbang kepada kematian bahasa pertuturan penduduk peribumi. Terdapat dalam kalangan mubaligh ini yang dilantik untuk memegang jawatan strategik dalam kerajaan seperti penasihat kepada monarki sebagaimana pelantikan Hiram Bingham I. Pelibatan orang Barat dalam sektor ekonomi dan perdagangan turut menyumbang kepada kejatuhan kerajaan beraja di Hawaii. Perasaan tidak puas hati terhadap takhta kerajaan telah mengakibatkan berlakunya rusuhan selepas pilihan raya. Situasi ini membawa kepada pendaratan tentera Amerika yang akhirnya membawa kemenangan kepada Raja Kalakaua.

Ketika pemerintahan Raja Kalakaua, baginda berhasrat untuk memeterai perjanjian dengan Amerika setelah terpengaruh dengan potensi perdagangan luar, perladangan, dan perdagangan gula. Walau bagaimanapun, pada tahun 1887 beliau dipaksa menandatangani perjanjian perlembagaan baharu yang dikenali sebagai Perjanjian Bayonet. Perlembagaan ini menarik kuasa eksekutif yang ada pada beliau dan kemudiannya diserahkan kepada kabinet. Hal ini menyebabkan raja hanya berkuasa dalam soal legislatif. Dalam perlembagaan tersebut, orang



sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Hal ini merupakan detik penting yang membawa kepada peminggiran bahasa Hawaii daripada menjadi bahasa pengantar sistem persekolahan di Hawaii. Dasar ini pada mulanya ditentang oleh Ahli Lembaga Pengarah Pendidikan. Salah seorang ahli lembaga, iaitu Kekuaano dalam laporan kepada legislatif pernah menyatakan, mengajar anak-anak Hawaii dalam bahasa Inggeris adalah berbahaya kerana kelestarian kerajaan Hawaii bergantung pada pengajian penduduk dalam bahasa ibunda mereka (Richard R Day, 1985: 167). Hal ini demikian kerana asas kekuatan tamadun, bangsa dan kerajaan digambarkan melalui bahasa yang digunakan oleh masyarakatnya. Penggunaan bahasa tempatan dapat memperlihatkan kesatuan pemikiran yang diwarisi turun-temurun. Penggunaan bahasa Inggeris untuk masyarakat tersebut bukan teretus daripada kezamman budaya masyarakat

peribumi Hawaii, sebaliknya disebabkan oleh dasar hegemoni budaya dan politik Barat terhadap wilayah Hawaii. Pada tahun 1800 penduduk peribumi Hawaii bukan hanya mengalami "kematian" bahasa, tetapi turut dilanda wabak penyakit yang mengakibatkan kematian dan pengurangan populasi. Ahli sejarawan menyifatkan kemelesetan jumlah penduduk ini disebabkan oleh ketiadaan daya tahan untuk berhadapan dengan budaya Barat.

Kematian bahasa Hawaii benar-benar berlaku apabila bahasa Inggeris dijadikan bahasa rasmi pada tahun 1900 yang membawa implikasi besar terhadap sistem pendidikan, sosial, ekonomi meliputi aspek perdagangan, dasar kerajaan dan keagamaan. Persoalannya, sejauh manakah penduduk peribumi maju apabila bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar di Hawaii? Sejahter manakah "kematian" bahasa Hawaii dapat membawa kemajuan dari segi sosial dan ekonomi? Ternyata penduduk peribumi Hawaii masih lagi dibelenggu

dengan masalah ekonomi dan kebanyakannya masih lagi bekerja dalam sektor kolar biru, kehilangan kuasa kawalan politik, dihambat masalah pengangguran dan sebagainya. Hal ini menyebabkan kerajaan Amerika Syarikat menggubal Akta Peribumi Hawaii 2009 sebagai usaha untuk menyelesaikan masalah peribumi Hawaii yang masih lagi berleluasa, meskipun kejatuhan kerajaan peribumi Hawaii 1893 yang membawa kepada penguasaan Amerika Syarikat terjadi tanpa kerelaan penduduk peribumi. Sebelum ini, tidak ada mana-mana badan organisasi peribumi diiktiraf oleh kerajaan persekutuan sehinggalah akta ini digubal bagi menjaga hal ehwal penduduk peribumi Hawaii.

Ternyata bahasa Hawaii merupakan contoh bahasa yang mengalami kepupusan akibat hegemoni bahasa Inggeris dan ketiadaan kezamman politik dalam kalangan golongan elit yang memerintah. Bahananya berpanjangan selama beratus-ratus tahun meskipun ada percubaan untuk memperkenalkan semula bahasa Hawaii melalui kursus elektif bahasa di universiti tempatan. Hanya pada tahun 1978, atas desakan penduduk peribumi barulah bahasa Hawaii diajarkan di sekolah-sekolah selama 50 minit seminggu. Namun demikian, usaha ini umpama "nasi sudah menjadi bubur" dan kedudukan bahasa Hawaii dan bahasa Inggeris umpama "antara dua darjat". Yang tinggal kini cuma tarian hula-hula dan ukulele, selain imej stereotaip wanita Hawaii yang sering disiarkan di kaca televisyen. Hal ini sewajarnya menjadi renungan semua agar tiada lagi bahasa kebangsaan di negara lain yang bakal menerima nasib yang sama seperti yang telah dialami oleh bahasa Hawaii. DB